

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2



WACANA PNC 8

4 JUN 2024 | GENO HOTEL

PROF. TS. DR. SALMIAH  
KASOLANG

## MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM PROFICIENCY CERTIFICATE FOR ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS 3.0

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat sejahtera, Salam UITM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur ke hadirat Ilahi, kerana dengan rahmat-NYA kita dapat berkumpul di dalam Majlis Penutupan Program Proficiency Certificate for Entrepreneurship Educators (ProCEED 3.0) pada petang ini.

Saya dengan sukacitanya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Penganjur, iaitu Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil dan Serderhana (PKS) serta Keusahawanan Malaysia (MASMED) UITM atas kejayaan mereka dalam menganjurkan program ProCEED 3.0 yang amat bermakna ini. Terima kasih atas komitmen dan sokongan yang luar biasa dalam menjayakan program ini.





Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas kepercayaan yang diberikan kepada UTM melalui MASMED sebagai penganjur program latihan keusahawanan ProCEED 3.0.

### EKOSISTEM KEUSAHAWANAN DI UTM

Hadirin yang dikasihni sekalian,

Sebagai sebuah universiti komprehensif terbesar di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UTM) memperjuangkan pembangunan Bumiputera secara holistik yang melibatkan kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak, seiring dengan nilai-nilai Kecemerlangan, Sinergi, dan Integriti. UTM menerapkan moto "Usaha, Takwa, Mulia" sebagai landasan utama dalam setiap inisiatif, dan berpegang teguh kepada tema "Globally Renowned, Locally Rooted" yang mana biarpun gah di mata dunia, namun tetap mengakar kuat dalam memartabatkan jati diri dan kepentingan tempatan.

Justeru, salah satu penekanan yang diterapkan adalah Pelan Penglibatan Komuniti dan Industri melalui pendekatan "Quintuple Helix". Pendekatan ini menggunakan gabungan sinergi kerjasama antara UTM, Industri, Komuniti dan Alumni serta Kerajaan menerusi program kolaborasi berimpak sebagai usaha untuk memperkasakan masyarakat yang terhasil dari penyelidikan dan ekosistem keusahawanan yang kondusif. Pada tahun lepas, UTM melaksanakan sebanyak 801 program yang melibatkan komuniti dengan 56 projek geran di bawah Knowledge Transfer Programme (KTP) yang secara tidak langsung menyokong usaha kerajaan ke arah "zero poverty".

Bagi menjayakan ekosistem yang lebih berkesan, UTM sedang mengusahakan projek Super Bumiputera Students melalui beberapa penganjuran yang melibatkan keusahawanan, inovasi, kesukarelawan, khidmat komuniti serta pertandingan berprestij di peringkat antarabangsa.

### PROGRAM PROFICIENCY CERTIFICATE FOR ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS (ProCEED)

Hadirin yang dihormati sekalian,

ProCEED 3.0 merupakan tonggak penting dalam usaha merombak landskap keusahawanan negara. Inisiatif ini menandakan langkah berani ke arah memperkaya kurikulum universiti dengan elemen keusahawanan, merangka jaringan kolaborasi yang kukuh antara universiti dan industri, serta menyelami realiti keusahawanan masa kini.

Dengan melibatkan pelbagai pihak, ProCEED 3.0 dijangka menjadi pemangkin utama dalam merealisasikan Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030). Ini membawa perubahan signifikan dalam skenario keusahawanan graduan, memperbaharui pendekatan kepada keusahawanan dalam menyokong kemandirian ekonomi melalui strategi dan kaedah yang terancang dengan baik.

Lebih daripada sekadar merungkai cabaran pasca-pandemik, ProCEED 3.0 menekankan pentingnya kesedaran keusahawanan, mendorong peserta untuk memperkukuh ekosistem keusahawanan universiti. Dengan cara ini, program ini tidak hanya memberi tumpuan kepada penciptaan peluang pekerjaan baharu, tetapi juga memperkukuh hubungan saling menguntungkan atau simbiosis antara industri dan universiti.

ProCEED 3.0 bukan sahaja memberi penekanan kepada pembangunan keusahawanan, tetapi juga memastikan bahawa model ini menjadi teras dalam kurikulum universiti. Ia tidak hanya menjadi panduan utama bagi aktiviti bersama rakan strategik, tetapi juga melahirkan graduan yang terlatih dalam inovasi, daya saing, dan kreativiti yang menjadi kelebihan dalam pasaran pekerjaan semasa.

### HARAPAN DAN KESINAMBUNGAN PROGRAM

Hadirin yang dikasihni sekalian,

Kita sedis maklum bahawa perjalanan seorang usahawan untuk menuju kejayaan tidak akan pernah lekang dari pelbagai dugaan yang menantinya. Antara cabaran yang sering ditempuhi adalah kekurangan modal, kekurangan sokongan daripada keluarga dan rakan kongsi, kesukaran dalam mendapatkan pembiayaan yang diperlukan, dan halangan-halangan yang menyukarkan akses kepada pasaran secara efektif. Namun, kesabaran yang tinggi dan usaha yang tidak pernah lelah pasti membuahkan hasil yang tidak disangka-sangka.

Diharapkan para usahawan kita dapat menghadapi cabaran-cabaran tersebut dengan lebih yakin dan berkesan. Program seperti ProCEED ini merupakan intervensi yang bakal membuahkan hasil yang tidak dijangka-jangka. Program-program sebegini memainkan peranan penting dalam mengurangkan beban cabaran dan menyediakan sokongan yang diperlukan kepada bakal usahawan. Lebih daripada sekadar menyediakan dana, program ini juga memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran dan pengetahuan yang substansif dalam membina dan mengukuhkan perniagaan.



Dengan memperkayakan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan, bakal usahawan dapat merintis langkah dengan lebih berkeyakinan dan mempunyai kefahaman mendalam tentang aspek-aspek keusahawanan yang penting.

Pastinya kesinambungan program ProCEED ini akan membawa banyak manfaat dengan pengenalan program-program yang lebih berkesan dalam membina semangat keusahawanan. Dengan izin Allah, usaha ini akan membawa kepada kejayaan dan kegemilangan yang lebih besar dalam arena keusahawanan.

Saya ingin menyeru usahawan-usahawan baharu agar meletakkan keberanian sebagai kunci untuk membuka pintu peluang dan kegagalan sebagai batu loncatan untuk kejayaan yang berikutnya. Melangkahlah keluar dari zon selesa kerana langkah-langkah yang berani bakal mencipta peluang dalam pasaran yang kompetitif.

Sekian Wallillahi Taufik Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS  
USAHAWAN**